

**DERAF UCAPAN
YB DATUK AMAR JAUL SAMION
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SARAWAK**

**MAJLIS PENUTUPAN KURSUS PENGENDALIAN
BOT INTERCEPTOR SARAWAK COASGUARD**

26 MAC 2021

SALAM SEJAHTERA & SALAM SARAWAKKU SAYANG

SALUTASI

- 1. Pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada YBhg. Datu Dr Chai Khin Chung, Pengarah Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan Negeri (UKPN) atas jemputan merasmikan Majlis Penutupan Kursus Pengendalian Bot *Interceptor* Sarawak Coastguard pada petang ini.**
- 2. Penubuhan Sarawak Coastguard sejajar dengan polisi serta keperluan kerajaan negeri Sarawak, untuk mengambil tindakan yang konkrit dan “*to complement*” agensi-agensi penguatkuasaan maritim yang lain demi menjaga keselamatan nelayan dan kehilangan hasil sumber asli maritim negeri Sarawak daripada pencerobohan pihak asing dan tempatan. UKPN ditugaskan untuk menyelaraskan penubuhan kapasiti Sarawak Coastguard termasuk sumber manusia dan pembangunan aset Sarawak Coastguard.**
- 3. Saya difahamkan, seramai 64 orang pegawai dan anggota Sarawak Coastguard menghadiri Kursus pengendalian bot ini selama lima (5) hari bermula daripada 22 – 26 Mac 2021. Enam (6) bot interceptor Sarawak Coastguard telah digunapakai untuk kursus pengendalian bot tersebut.**
- 4. Penganjuran kursus pengendalian bot ini adalah tepat pada masanya untuk melengkapkan kemahiran dan skil kepada pegawai dan anggota Sarawak Coastguard dalam menjalankan penguatkuasaan undang-undang di kawasan maritim Sarawak. Saya amat berterima kasih kepada pihak**

PDRM, melalui Pasukan Polis Marin Sarawak, atas bantuan dalam mengadakan latihan serta berkongsi pengalaman dalam melatih pegawai dan anggota baru Sarawak Coastguard. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada 17 orang jurulatih yang terlibat secara langsung dalam menjayakan kursus pengendalian bot pada kali ini.

Hadirin sekalian,

5. Pada petang yang berbahagia ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada syarikat pembekal bot *interceptor*, iaitu Asia Shipping Engineering yang telah menjayakan pembekalan bot dalam masa yang ditetapkan. Sebenarnya, bot pertama diserahkan dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh perjanjian iaitu 3 bulan lebih awal. Komitmen serta kebolehan syarikat boleh menjadi *benchmark* dalam pemilihan kontraktor pada masa hadapan.
6. Sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran kursus pengendalian bot *interceptor* ini dan ucapan tahniah kepada semua peserta kerana telah menjayakan kursus kali ini. Diharap pihak Polis Marin Sarawak akan terus mendukung usaha kerajaan negeri Sarawak dalam menjaga keamanan serta keselamatan di perairan Sarawak dan memberi latihan serta bimbingan kepada Sarawak Coastguard dalam penugasan yang akan datang.
7. Sekian, terima kasih. *"An Honour to Serve"*.